



全殿堂

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

国文

Tahun 6

Bahasa Melayu

6

set
Pentaksiran
Sumatif

+

2

set
Model Pentaksiran UASA
yang boleh dileiraikan

*Sesuai untuk Pentaksiran Bilik Darjah PBD



Nama



Kelas



Ujian Akhir Sesi Akademik MODEL PENTAKSIRAN 2

Masa: 1 Jam 15 Minit

Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-10	10	
B	1	5	
	2	5	
C	1	10	
D	1	20	
Jumlah		50	

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian utama: Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.
2. Kamu dikehendaki menjawab **semua** soalan yang disediakan dalam keempat-empat bahagian ini.
3. Bagi soalan objektif, setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu: A, B, C dan D. Pilih satu jawapan sahaja.
4. Bagi soalan subjektif, jawab **semua** soalan dalam ruang jawapan yang telah disediakan.

Bahagian A

/ 10 Markah

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1. Kakak Elina telah menceburi bidang _____ sejak daripada tamat bangku sekolah lagi.
 A peniaga 商人 B berniaga 做生意
 C meniaga D perniagaan 生意(名)
2. Ucapan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia semasa merasmikan Hari Usahawan Negara 20__ disambut dengan tepukan yang _____.
 A guruh 雷声 B gilang 光 光军
 C gemuruh 雷声/掌声 D gemilang 光军火皇

Soalan 3

Pilih ayat menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

3. A Perniagaannya baru membuka dua bulan lepas.
 B Restoran Ikan Bakar Dayang membuka pada setiap hari.
 C Membuka Syarikat Megah Holding telah dirasmikan oleh Datin Rosmah.
 D Encik Rosyam telah membuka cawangan perniagaannya di Shah Alam.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Antara projek pertanian desa yang diberikan keutamaan oleh kerajaan ialah penternakan puyuh dan ayam, projek kolam ikan air tawar dan ikan sangkar, menanam sayur serta buah-buahan dan sebagainya. Penduduk Kampung Rambutan Runtuh tidak ketinggalan menyahut seruan murni kerajaan. Mereka telah menjalankan projek ikan air tawar di dalam kolam secara sistem kelompok. Sebelum itu, mereka telah menggali tanah-tanah terbiar. Kegiatan tersebut dapat dijalankan dengan jayanya kerana penduduk kampung itu bekerja seperti aur dengan tebing serta mendapat galakan daripada pengurus tanah rancangan tempat mereka. Pihak Lembaga Pertubuhan Peladang turut membimbing mereka tentang cara-cara mengendalikan projek tersebut. Setiap kelompok (terdiri daripada) lima keluarga dengan tiga buah kolam ternakan. Ikan-ikan yang terdapat di situ adalah seperti lampam jawa, tongsan, haruan, patin, tilapia dan pelbagai lagi. Sejak projek itu dijalankan, penduduk telah beberapa kali menuai hasil mereka serta meraih keuntungan antara RM800 hingga RM1000 sebulan bagi setiap jualan. Mereka tidak menghadapi masalah pasaran kerana pihak Lembaga Pertubuhan Peladang sedia membelinya malahan permintaan dari kawasan setempat juga amat menggalakkan.

4. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh penduduk sebelum memfarnak ikan air tawar?
- A Menternak ayam dan puyuh.
 - B Menggali tanah-tanah terbiar.
 - C Menanam sayur dan buah-buahan.
 - D Membuat dan membungkus makanan ringan.
5. Apakah (tujuan utama) mereka menyertai projek itu?
- A Mengisi masa lapang.
 - B Meningkatkan pendapatan.
 - C Menyahut seruan kerajaan.
 - D Memupuk kerjasama dan permuafakatan.
6. Semua yang berikut ialah sebab kejayaan peserta program kecuali _____.
- A mendapat galakan daripada pengurus rancangan
 - B modal yang mencukupi daripada penduduk kampung
 - C mendapat bimbingan daripada Lembaga Pertubuhan Peladang
 - D penduduk kampung saling bekerjasama seperti aur dengan tebing

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Pada 27 hingga 29 november 20__, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan mengadakan mini karnival untuk pembaharuan lesen perniagaan di bawah MPAJ. Karnival itu berlangsung pada jam 9 pagi hingga 6 petang sepanjang 3 hari. Acara tersebut diadakan di Galeri MPAJ, aras 4, Menara MPAJ Jalan Pandan Utama, Pandan Indah.

Terdapat pelbagai aktiviti yang menarik di situ. Antaranya ialah kaunter pembaharuan lesen, pameran menarik, *taklimat* kepada pengusaha premis, *mini food festival* dan penyampaian sijil penghargaan kepada pengusaha premis. (Orang ramai) dijemput untuk memeriahkan karnival tersebut.

BAHAN 2

MINI KARNIVAL

**PEMBAHARUAN
LESEN PERNIAGAAN
MAJLIS PERBANDARAN
AMPANG JAYA**

**27-29 NOVEMBER 20__
(ISNIN - RABU)**

**9.00 PAGI
-
6.00 PETANG**

**Galeri MPAJ,
Aras 4**

**SEMUA
DIJEMPUT
HADIR!**

AKTIVITI

- 1**
**Kaunter
Pembaharuan
Lesen**
- 2**
**Pameran
Menarik**
- 3**
**Taklimat Kepada
Pengusaha Premis**
- 4**
**Penyampaian Sijil
Penghargaan Kepada
Pengusaha Premis**
- 5**
**Mini Food
Festival**

1800-22-8100 www.mpaj.gov.my Majlis Perbandaran Ampang Jaya-Rasmi mp_ampangjaya MP Ampang Jaya MP Ampang Jaya Channel

7. Mini karnival itu diadakan bagi _____.
- A memperbaharui lesen premis di bawah MPAJ
 - B memperbaharui lesen memandu di bawah MPAJ
 - C memperbaharui lesen perniagaan di bawah MPAJ
 - D memperbaharui lesen menunggang di bawah MPAJ

8.

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan mengadakan mini karnival untuk pembaharuan lesen perniagaan di bawah MPAJ.

Kata berimbuhan untuk perkataan bergaris di atas ialah _____.

- A kata berimbuhan apitan
 - B kata berimbuhan awalan
 - C kata berimbuhan sisipan
 - D kata berimbuhan akhiran
9. Perkataan *taklimat* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan _____.
- A ucapan
 - B upacara
 - C penafian 拒绝
 - D penerangan 解释
10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Mini karnival diadakan selama 9 jam sehari sahaja.
 - B Mini karnival diadakan selama 3 hari berturut-turut iaitu pada hari Selasa hingga Khamis.
 - C Penyampaian sijil kepada pengusaha premis adalah salah satu aktiviti mini karnival tersebut.
 - D Program tersebut diadakan di cawangan MPAJ, aras 4, Menara MPAJ Jalan Pandan Utama, Pandan Indah.

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

(Pada hujung minggu yang lalu) saya dan Henry telah mengunjungi Karnival Semarak Tani yang berlangsung dari 19 hingga 25 Jun 20__ di Pasar Tani Tapak MAHA@MAEP Serdang. Suansana di karnival itu sungguh meriah dengan pelbagai acara yang tersusun dan menarik.

Anfara gerai yang kami singgah ialah gerai jualan produk berasaskan pisang. Pelbagai makanan ringan yang berasaskan pisang dijual di situ. Antaranya, jus pisang bersalut coklat, pisang goreng cheese dan pisang salai.

Sepanjang berada di karnival itu, saya dan Henry telah memperoleh banyak informasi tentang bidang pertanian terutamanya daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Menurut saya, program ini merupakan program untuk memajukan keluaran berasaskan tanaman seperti kerepek, minuman, jus buah-buahan, herba dan sebagainya. Oleh kerana itu, kita perlulah menyokong produk keluaran tempatan agar dapat meningkatkan pendapatan negara.

(a) Karnival Semarak Tani ini telah diadakan di _____

[1 markah]

(b) Mengapakah kita perlu menyokong (produk keluaran tempatan?)

[2 markah]

(c) Gariskan satu kata berimbuhan apitan yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Antara gerai yang kami singgah ialah gerai jualan produk berasaskan pisang.

[1 markah]

(d) Pilih dan tandakan (✓) pada ayat yang sama maksud dengan ayat diberikan.

Suansana di karnival itu sungguh meriah dengan pelbagai acara yang tersusun dan menarik.	
Acara yang sungguh meriah dan tersusun menjadikan suasana di karnival itu menarik.	
Acara yang tersusun dan menarik menjadikan suasana di karnival itu sungguh meriah.	

[1 markah]

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Pada suatu petang, angin bertiup sepoi-sepoi bahasa. Kamu menikmati juadah minum petang yang disediakan oleh ibu kamu. Ayah kamu hendak pergi menguruskan dusun buah-buahnya dibantu oleh ibu kamu. Kamu diminta oleh ayah dan ibu kamu untuk menjaga rumah semasa ketiadaan mereka. Tiba-tiba, dua orang rakan kamu datang ke rumah dan mengajak kamu memancing di tali air. Kamu dapat membayangkan betapa seronoknya jika dapat memancing bersama. Dalam masa yang sama kamu teringat pesanan ayah dan ibu kamu.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There is no handwriting or printed text on the paper.

Eliteguh Industries Sdn. Bhd.

Grafik di bawah menunjukkan bahawa setiap orang perlulah berbelanja secara bijak.

Tuliskan pendapat kamu tentang panduan berbelanja secara bijak.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawaban kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are approximately 20 lines visible. The paper appears slightly aged or off-white. There is no handwriting or other markings on the page.

[10 markah]